

AXCEL OXYMETAZOLINE NASAL SPRAY

Oxymetazoline Hydrochloride (0.025% w/v, 0.05% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Oxymetazoline Nasal Spray.
2. Bagaimana Axcel Oxymetazoline Nasal Spray berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Oxymetazoline Nasal Spray.
4. Cara menggunakan Axcel Oxymetazoline Nasal Spray.
5. Semasa menggunakan Axcel Oxymetazoline Nasal Spray.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Oxymetazoline Nasal Spray.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Oxymetazoline Nasal Spray

Axcel Oxymetazoline Nasal Spray digunakan untuk melegakan simptom kesesakan hidung dan tekak.

Bagaimana Axcel Oxymetazoline Nasal Spray berfungsi

Oxymetazoline merupakan agen simpatomimetik di mana ia mempunyai kesan pengecutan pada saluran darah. Ia bertindak dengan mengagihkan aliran darah setempat untuk mengurangkan bengkak pada lapisan hidung, seterusnya melegakan pengaliran dan keadaan hidung tersumbat.

Sebelum menggunakan Axcel Oxymetazoline Nasal Spray

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Axcel Oxymetazoline Nasal Spray jika:

- Anda alergi atau hipersensitif pada mana-mana komponen dalam ubat ini.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil sebarang ubat.

-Sebelum menggunakan Axcel Oxymetazoline Nasal Spray

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda menghidapi penyakit jantung, tekanan darah tinggi, penyakit tiroid, kencing manis atau kesukaran membuang air kecil.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain kerana ia mungkin bertindakbalas dengan Axcel Oxymetazoline Nasal Spray:

- Tricyclic antidepression, maprotiline atau perencat monoamine oxidase (MAOI).

ia mungkin masih selamat bagi anda untuk menggunakan Axcel Oxymetazoline Nasal Spray dan doktor anda akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Oxymetazoline Nasal Spray

-Berapa banyak harus digunakan

Arahan penggunaan:

2-3 semburan ke dalam setiap lubang hidung dua kali sehari, pagi dan petang.

Dengan kepala yang tegak, letakkan muncung semburan ke dalam lubang hidung tanpa menyumbat lubang hidung sepenuhnya. Semasa setiap penggunaan, anda perlu membengkokkan sedikit kepala anda ke hadapan dan tegas menekan pam semburan secepat mungkin untuk menyembur bilangan semburan yang disarankan dalam setiap lubang hidung. Lap muncung sehingga bersih selepas digunakan.

Untuk kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun, Axcel Oxymetazoline Nasal Spray 0.025% digunakan.

Untuk dewasa dan kanak-kanak 6 tahun dan ke atas Axcel Oxymetazoline Nasal Spray 0.05% digunakan.

-Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan bila anda perlu menggunakan Axcel Oxymetazoline Nasal Spray mengikut keadaan anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Guna dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengguna dos seterusnya pada masa biasa. Jangan guna dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

- Dos yang berlebihan boleh menyebabkan penekanan sistem saraf pusat, menyebabkan koma dan pengurangan suhu badan, terutamanya pada bayi.

Anda dinasihati supaya menghubungi doktor anda dengan segera jika anda menggunakan Axcel Oxymetazoline Nasal Spray berlebihan.

Semasa menggunakan Axcel Oxymetazoline Nasal Spray

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Oxymetazoline Nasal Spray.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

AXCEL OXYMETAZOLINE NASAL SPRAY

Oxymetazoline Hydrochloride (0.025% w/v, 0.05% w/v)

- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Oxymetazoline Nasal Spray dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jangan melebihi dos yang disarankan.
- Elakkan penggunaan yang berpanjangan dan elakkan penggunaan berlebihan.
- Penggunaan dihadkan tidak melebihi daripada 3 hari berturut-turut.
- Elakkan penggunaan produk ini bersama orang lain untuk mengelakkan penularan jangkitan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Oxymetazoline Nasal Spray boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Rasa mencucuk setempat atau rasa pedih, bersin dan kekeringan mulut dan tekak.
- Penggunaan berpanjangan atau berlebihan boleh menyebabkan sumbatan berulang kembali dan ubat merangsang rinitis (keradangan lapisan di dalam hidung) yang disebabkan oleh ubat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Oxymetazoline Nasal Spray

-Penyimpanan

Jauhkan Axcel Oxymetazoline Nasal Spray dari jangkauan kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Jangan guna Axcel Oxymetazoline Nasal Spray yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna product

Axcel Oxymetazoline Nasal Spray adalah cecair tanpa warna.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:

Oxymetazoline Hydrochloride

- Bahan Tidak Aktif:

Benzalkonium Chloride, Disodium Edetate, Disodium Hydrogen Phosphate Anhydrous, Citric Acid Anhydrous, Sorbitol, Glycerin, Sodium Hydroxide dan Purified water.

-Nombor MAL

Axcel Oxymetazoline 0.025% Nasal Spray
MAL09032006AZ

Axcel Oxymetazoline 0.05% Nasal Spray
MAL09032007AZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

15/02/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)100118/00003